

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BIL.2/2021
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

Tarikh : 3 Ogos 2021 (Selasa)
Masa : 9.30 – 11.30 pagi
Tempat : Tele - Sidang
Kehadiran : Lampiran A

Bil	Perkara	Tindakan												
1.0	Perutusan Pengerusi													
1.1	YBhg. Datuk Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam dan terima kasih kepada semua yang hadir ke mesyuarat MBJ Bil.2/2021.	Makluman												
1.2	YBhg. Datuk Pengerusi memaklumkan bahawa MBJ merupakan saluran komunikasi dua (2) hala di antara Pihak Pegawai (pihak pengurusan) dengan Pihak Pekerja di Kementerian/Jabatan masing-masing bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam perbincangan dan menyumbangkan idea-idea bernas, seterusnya mencapai kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja dalam menyelesaikan isu-isu setempat, demi kepentingan dan kebaikan organisasi secara menyeluruh.	Makluman												
1.3	YBhg. Datuk Pengerusi juga memaklumkan bahawa pihak JPA melalui e-mel bertarikh 9 Julai 2021 telah mengemukakan Laporan Prestasi Keaktifan Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Peringkat Persekutuan Dan Negeri Tahun 2020 bagi MEDAC dan Agensi-Agensi MEDAC dengan pencapaian seperti berikut : <table border="1" style="margin: 10px auto;"> <thead> <tr> <th>No.</th> <th>Perkara</th> <th>Peratusan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Prestasi keaktifan pelaksanaan mesyuarat MBJ agensi di bawah Kementerian mengikut tempoh ditetapkan</td> <td style="text-align: center;">100%</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Prestasi penyelesaian isu</td> <td style="text-align: center;">50%</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Prestasi pencapaian penggunaan Submodul MBJ HRMIS 2.0</td> <td style="text-align: center;">100%</td> </tr> </tbody> </table> <p>YBhg. Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih dan memberikan penghargaan kepada semua yang terlibat di dalam MBJ, khususnya pihak urus setia yang menguruskan perjalanan mesyuarat, pihak pekerja yang memberi komitmen dalam</p>	No.	Perkara	Peratusan	1.	Prestasi keaktifan pelaksanaan mesyuarat MBJ agensi di bawah Kementerian mengikut tempoh ditetapkan	100%	2.	Prestasi penyelesaian isu	50%	3.	Prestasi pencapaian penggunaan Submodul MBJ HRMIS 2.0	100%	Makluman
No.	Perkara	Peratusan												
1.	Prestasi keaktifan pelaksanaan mesyuarat MBJ agensi di bawah Kementerian mengikut tempoh ditetapkan	100%												
2.	Prestasi penyelesaian isu	50%												
3.	Prestasi pencapaian penggunaan Submodul MBJ HRMIS 2.0	100%												

Bil	Perkara	Tindakan
	memastikan setiap isu dan perkara berbangkit dibahaskan secara profesional dan berhemah dan wakil-wakil pegawai yang telah berjaya menangani isu-isu berbangkit dengan efektif dan efisien , demi kebaikan bersama warga MEDAC.	
2.0	PERUTUSAN NAIB Pengerusi	
2.1	<p>YBrS Naib Pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat MBJ kali ini merupakan yang pertama dilaksanakan secara 100% atas talian seiring dengan kelaziman baharu (<i>new normal</i>) berikutan situasi semasa penularan pandemik. YBrS Naib Pengerusi berharap kaedah mesyuarat secara maya sepenuhnya ini mampu memberikan keberhasilan sebagaimana mesyuarat-mesyuarat sebelum ini yang dilaksanakan secara fizikal mahupun <i>hybrid</i> (gabungan fizikal dan maya).</p> <p>YBrS Naib Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat MBJ bil.2/2021 ini merupakan mesyuarat terakhir diwakili oleh kumpulan pihak pekerja yang telah dilantik sejak 10 September 2019.</p> <p>YBrS Naib Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah sama-sama memberikan sumbangan menerusi platform MBJ ini dan berharap supaya segala isu-isu yang masih berbangkit dapat diselesaikan semaksimum mungkin, atau terus disusuli dengan sewajarnya pada mesyuarat akan datang.</p>	Makluman
3.0	PERKARA-PERKARA BERBANGKIT	
3.1	<p>Isu Pembahagian Lot Parkir</p> <p>i – Kelayakan Tuntutan Parkir</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak BKP telah mengemukakan permohonan kepada JPA berhubung semakan perkara ini pada 18 Jun 2021, berdasarkan keputusan MBJ bil.1/2021</p> <p>Pihak JPA melalui surat rujukan JPA.600-22/2/655 (3) bertarikh 14 Julai 2021 telah memaklumkan bahawa perkara ini merupakan perkara dasar dan tidak dibenarkan untuk dibincangkan melalui platform MBJ sebagaimana yang telah diperincikan di perenggan 9, Pekeliling Perkhidmatan.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan oleh SUBK (P) bahawa pihak JPA telah menghubungi beliau secara lisan bagi membincangkan berkenaan perkara ini dengan lebih lanjut.</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan										
	<p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p> <p>ii – Pembahagian Parkir</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pembahagian lot parkir ketika ini adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="308 589 1257 781"> <thead> <tr> <th>Kementerian / Jabatan</th> <th>Bilangan parkir</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>MEDAC</td> <td>116</td> </tr> <tr> <td>KASA</td> <td>36</td> </tr> <tr> <td>KETSA</td> <td>34</td> </tr> <tr> <td>JUMLAH</td> <td>186</td> </tr> </tbody> </table> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa kertas cadangan penyusunan semula parkir untuk semua warga MEDAC telah disediakan oleh pihak BKP. Kertas cadangan tersebut masih diperingkat semakan dan persetujuan pengurusan tertinggi MEDAC, dan akan dimaklumkan kepada semua warga MEDAC.</p> <p>Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa penyusunan semula akan diteruskan dengan fasa berikutnya apabila dua Jabatan lain (KASA dan KETSA) berpindah keluar dari Blok E4/5.</p> <p>Pihak pekerja memohon supaya pembahagian parkir ini turut mengambil kira golongan pengurusan dan profesional (gred 41 & 44) dan kumpulan pelaksana yang aktif memberi sumbangan kepada MEDAC menerusi aktiviti seperti MBJ, PUSPANITA, Kelab MEDAC dan sebagainya.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi meminta pihak BKP untuk mengkaji amalan terbaik (<i>best practices</i>) dengan turut merujuk kepada pendekatan yang dilaksanakan di beberapa Kementerian lain agar setiap kumpulan pegawai di MEDAC mendapat kemudahan parkir</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	Kementerian / Jabatan	Bilangan parkir	MEDAC	116	KASA	36	KETSA	34	JUMLAH	186	
Kementerian / Jabatan	Bilangan parkir											
MEDAC	116											
KASA	36											
KETSA	34											
JUMLAH	186											
3.2	<p>Kafeteria Kementerian</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa isu berhubung kafeteria ini merangkumi dua (2) perkara iaitu:</p> <p>i) <u>Kebersihan Kafeteria</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak BKP telah mengemukakan emel rasmi kepada pihak pengusaha Kafeteria pada 23 Julai 2021, membuat pemantauan dan mengadakan perbincangan dari</p>	BKP										

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>semasa ke semasa bersama pengusaha kafeteria di bangunan Blok E4/5, Parcel E.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara-perkara ini terus disusuli, bagi menjamin kualiti kebersihan ini sentiasa terpelihara.</p> <p>ii) <u>Harga Makanan</u></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan oleh pihak BKP bahawa harga makanan terutama makanan seperti ikan, ayam, udang, sotong adalah mengikut harga semasa pasaran. Ini telah menyebabkan harga makanan berkenaan sentiasa berubah-ubah.</p> <p>Pihak pekerja telah memohon agar pihak BKP memaklumkan kepada pihak pengusaha supaya dapat mempamerkan julat (<i>range</i>) harga ke atas jenis makanan berlauk tersebut supaya pelanggan terutamanya warga MEDAC dapat menjangkakan / menganggarkan harga makanan yang perlu dibayar sebelum membuat pilihan.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara-perkara ini terus disusuli.</p> <p>iii) Penetapan Maklumat Kalori Pemakanan di Kafetaria</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan penetapan maklumat kalori bagi setiap makanan yang dijual. Ini dapat membantu warga MEDAC membuat pilihan dan memberikan kesedaran berkenaan kepentingan menjaga pemakanan yang seimbang dan sihat.</p> <p>Mesyuarat berpandangan bahawa perkara ini boleh dilaksanakan dengan menggunakan kemudahan teknologi seperti penggunaan kod QR dan sebagainya.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara-perkara ini terus disusuli.</p>	
3.3	<p>Kebersihan dan Keceriaan Persekitaran B1</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju bahawa :</p> <p>i) <u>Penutupan Kedai Runcit</u></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa tindakan pengosongan lot</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>kedai runcit telah dilaksanakan, dan fungsi kedai tersebut telah diambil alih oleh premis TEKUN Mart yang bertempat di kawasan lobi MEDAC.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai</p>	
3.4	<p>Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa satu perbincangan khas berkaitan penubuhan Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC telah dipengerusikan oleh SUBK(P) pada 17 Jun 2021. Jawatankuasa Interim Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC telah ditubuhkan dan kini sedang melaksanakan aktiviti penstrukturan.</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Kelab Sukan dan Kebajikan MEDAC akan didaftarkan secara rasmi pada awal Ogos 2021.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BKP
3.5	<p>Pengurusan Makan Minum Bagi Mesyuarat</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua pegawai dan kakitangan MEDAC perlu mematuhi kawalan dalaman yang telah dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan dan Pembangunan yang telah diluluskan oleh KSU pada 23 Jun 2020 berhubung pengurusan makan minum mesyuarat di MEDAC,</p> <p>Justeru, mesyuarat mengambil maklum dan bersetuju supaya kemudahan makan minum mesyuarat hanya akan diberikan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian; dan b) Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pengarah PKK Negeri (Gred 48) yang melibatkan jemputan pihak luar (syarikat/kontraktor), di atas kapasiti sebagai ketua di peringkat negeri. <p>Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa terdapat juga Pengarah PKK Negeri dengan Gred 44 yang mempengerusikan mesyuarat di atas kapasiti sebagai ketua di peringkat negeri dan melibatkan jemputan pihak luar seperti Ketua Jabatan di peringkat negeri. Mesyuarat bersetuju supaya perkara sebegini turut diteliti dan diberikan pertimbangan dengan sewajarnya.</p>	BKew / BKP

Bil	Perkara	Tindakan
	Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli .	
3.6	<p>Kebersihan di ruang kerja dan tandas</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa pihak BKP telah mengeluarkan emel peringatan kepada pihak Privilege Saga Sdn. Bhd berkaitan perkara ini pada 23 Julai 2021.</p> <p>Hasil semakan pihak BKP juga telah mendapati bahawa plastik sampah di setiap meja pegawai dan kakitangan MEDAC kini telah digantikan secara berkala.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BKP
3.7	<p>Kemudahan Video Conference (VC)</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Bilik bincang 4, Bilik Bincang A3 dan bilik bincang TKSU(P) kini telah disediakan dengan kemudahan VC susulan daripada Mesyuarat MBJ bil.1/2021.</p> <p>Pihak BKP dengan kerjasama BPTM akan memantau dari semasa ke semasa, sekiranya kemudahan VC ini perlu dinaiktaraf.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	BKP
3.8	<p>Sistem Kehadiran</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa Sistem iHadir versi aplikasi mudah alih (iHadir App) telah tersedia di Google play store (android) dan GAMMA Enterprise (IOS) bermula April 2021 yang lalu.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> i. BPSM telah melaksanakan hebahan melalui e-mel terkini pada 8 Jun 2021 berkenaan Penambahbaikan i-Hadir. ii. BPTM telah melakukan hebahan melalui emel berkenaan penambahbaikan berkenaan SOP Cuti pada 19 Julai 2021. iii. Perolehan peralatan <i>face recognition</i> telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Bil. 7 Tahun 2021 pada 12 Julai 2021. <p>Pihak pekerja memohon supaya pelaksanaan kehadiran menerusi <i>face recognition</i> turut dihebahkan secara berterusan/berkala</p>	


Bil	Perkara	Tindakan
	<p>kepada warga MEDAC melalui platform bersesuaian bagi membantu proses penormalan (<i>normalization</i>).</p> <p>Pihak pekerja juga berharap supaya rekod kehadiran menerusi <i>face recognition</i> ini dapat diselaraskan/dihubungkan (<i>link/synchronize</i>) dengan sistem i-Hadir sedia ada, bagi mengelakkan keperluan mengemaskini rekod kehadiran ke atas kedua-dua platform apabila warga hadir ke pejabat.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	
3.9	<p>Bekalan Air Minuman/ Air Mineral untuk Aras 5, Menara Usahawan</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Seksyen Penjaja dan Peniaga Kecil (SPPK) yang ditempatkan di Aras 5, Menara Usahawan (Podium) sejak tujuh (7) bulan lalu tidak dibekalkan dengan air minum/ air mineral/ water dispenser. Perkara ini dikhuatiri menjejaskan kesihatan dan produktiviti warga kerana sering kehausan dan terpaksa membuang masa membeli minuman di kedai berhampiran.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak PKK akan membuat perolehan bagi bekalan air minuman bagi keperluan warga PKK.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi mencadangkan supaya pihak PKK melakukan perolehan bekalan air minuman secara bersekali untuk pihak SPPK.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	<p>PKK / BKP</p>
3.10	<p>Penggunaan telefon bimbit individu dan telefon pejabat</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa Pihak Pekerja telah membangkitkan isu telefon pejabat yang tidak mencukupi, tidak boleh menghubungi nombor telefon bimbit dan ada yang tidak mendapat akses untuk menghubungi nombor di luar Lembah Klang.</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan agar akses diberikan bagi telefon pejabat serta kebenaran untuk menuntut bayaran balik penggunaan telefon bimbit atau dapat membekal telefon bimbit kepada Bahagian secara guna sama.</p>	

Bil	Perkara	Tindakan
	<p>Mesyuarat supaya permohonan akses telefon kepada luar kawasan Lembah Klang boleh dibuat secara terus kepada pihak BKP.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini selesai.</p>	
3.11	<p>Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa tiada majlis rasmi diadakan bagi penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019. Ini kerana keadaan semasa Negara akibat penularan Covid-19 telah menghadkan pengajuran Majlis rasmi dan keraian.</p> <p>Pihak pekerja mencadangkan agar Majlis APC 2020 yang akan diadakan pada tahun ini dibuat bersama untuk penerima APC 2019. Ini kerana terdapat keperluan untuk meraikan penerima APC 2019 sebagai tanda penghargaan dan kenangan sepanjang perkhidmatan mereka.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM telah memutuskan untuk tidak mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019. Ini berdasarkan keputusan mantan YBhg. Dato' Sri KSU pada memo rujukan MEDAC.BPSM.(S)500/3/17(15) bertarikh 24 September 2020.</p> <p>Walau bagaimanapun, penerima APC 2020 akan dilaksanakan secara atas talian setelah mendapat tarikh dari pejabat YB Menteri MEDAC.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini terus disusuli.</p>	BPSM
4.0	PEMBENTANGAN USUL / ISU-ISU BAHARU	
4.1	<p>Penggunaan Borang Tuntutan Di HRMIS</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa penggunaan <i>template</i> borang menggunakan format excel seperti yang diedarkan oleh BKew menyebabkan beberapa tuntutan menerima kuir kerana kesilapan menggunakan borang, kesilapan pengiraan dan sebagainya.</p> <p>Mesyuarat bersetuju supaya MEDAC melaksanakan penggunaan modul tuntutan di HRMIS kerana ia lebih mudah, seragam dan</p>	BKew


Bil	Perkara	Tindakan
	<p><i>auto calculate</i>. Pertukaran kepada penggunaan modul tuntutan di HRMIS ini perlu dilaksanakan secara berperingkat / berfasa bagi memudahkan adaptasi oleh warga MEDAC.</p> <p>Pendekatan ini juga secara tidak langsung akan meningkatkan kadar kekerapan penggunaan HRMIS oleh pegawai-pegawai di MEDAC, seiring dengan saranan pihak JPA untuk memaksimumkan penggunaan sistem HRMIS.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini disusuli.</p>	
4.2	<p>Rangkaian Internet dan e-mel</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum akan aduan berkenaan masalah kestabilan rangkaian internet dan emel MEDAC. Pihak Pekerja memohon agar Pihak Pegawai khususnya BPTM dapat mencari penyelesaian terbaik berhubung perkara ini supaya warga MEDAC dapat melaksanakan tugas dengan lancar dan sebaiknya.</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak BPTM dalam proses penambahbaikan dan penukaran fasiliti berkenaan capaian internet.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini disusuli.</p>	BPTM
5.0	HAL-HAL LAIN	
5.1	<p>Perbekalan Kertas A4 (Bekalan Kertas A4 di Stor Utama)</p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat masalah pembekalan kertas A4 kepada Bahagian-Bahagian khususnya di Sektor Pembangunan Keusahawanan disebabkan oleh ketiadaan stok.</p> <p>Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa warga MEDAC terpaksa menggunakan wang sendiri bagi membeli kertas A4, untuk urusan rasmi di Bahagian.</p> <p>YBhg. Datuk Pengerusi meminta pihak BKP untuk meneliti perkara ini bagi mengatasi isu pembekalan kertas tersebut.</p> <p>Mesyuarat BERSETUJU supaya perkara ini disusuli.</p>	BKP

Bil	Perkara	Tindakan
6.0	PENUTUP	
	Mesyuarat MBJ Bilangan 2 Tahun 2021 ditangguhkan pada jam 11.30 pagi dengan ucapan terima kasih daripada YBhg. Datuk Pengerusi.	


Disediakan oleh:


 Mohd Shafiq bin Bakar
 Setiausaha Bersama MBJ (Pihak Pegawai)
 9 Ogos 2021


Disemak oleh:


 Zainal bin Bahaudin
 Pihak Pekerja
 16 Ogos 2021

Diperakukan oleh:


 Mohd Faizal bin Dolah
 Naib Pengerusi MBJ MEDAC (Pekerja)
 17 Ogos 2021

Disahkan oleh:


 Datuk Haji Zamri bin Salleh
 Pengerusi MBJ MEDAC
 17 Ogos 2021

LAMPIRAN A

PIHAK PEGAWAI

1. YBhg. Datuk Haji Zamri bin Salleh
TKSU (P) - Pengerusi
2. Encik Saifuzzaman bin Abdul Manan
SUB (BPPU)
3. Puan Marlina binti Ramly
P (PKK)
4. Encik Ismail bin Mohamed Yusof
SUB (PSM)
5. Encik Aidi Azli bin Wahit
SUB (BKEW)
6. Encik Masri bin Jeman
SUB (BKP)
7. Puan Rohani binti Abdul Haziz
KPSU (BPTM)
8. Puan Nor Fadila binti M Sapuan
KPSU (BPSM)

PIHAK PEKERJA

9. Encik Mohd Faizal bin Dolah
KPSU (BPES) - Naib Pengerusi
10. Encik Zainal bin Bahaudin
PSU (BDHA)
11. Puan Nurazura binti Ali
Jurutera (PKK Ibu Pejabat)
12. Encik Mohd Asraf bin Abd Samat
PSU (PKK Ibu Pejabat)

13. Encik Abdul Hadi bin Che Busu
PPT (PKK Zon Timur)
14. Puan Azhani binti Abu Bakar
PT (PO) BA
15. Puan Siti Zaharah binti Abd Rahman
PT (PO) BDHA
16. Puan Nur Azamimah binti Mohamed Sahak
PT (PO) PKK HQ
17. Encik Rosman bin Mansor
PO (BPK)
18. Encik Shamsul Bahri bin Sinan
PO (PKK HQ)

URUSETIA

19. Encik Mohd Shafiq bin Bakar
PPT (BPSM) - Setiausaha Pihak Pegawai
20. Puan Noriati binti Amin
PPTK (BPES) - Setiausaha Pihak Pekerja
21. Encik Amir Izham bin Alias
PT (BPSM)